

18/10/2002

Bahasa Inggeris: TPM yakin rakyat terima keputusan

KANGAR, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin rakyat akan menerima apa saja keputusan yang dibuat oleh kerajaan berhubung penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, kerana ia dibuat hasil perbincangan semua pihak.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan mengambil pendekatan berbincang dengan semua pihak berhubung perkara itu kerana sedar pendidikan adalah isu yang sensitif kepada semua kaum.

Sebab itu, katanya, sehingga sekarang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, masih membuka kepada pelbagai pandangan berkaitan rancangan itu daripada semua pihak.

"Kerajaan sedar pendidikan adalah isu sensitif kepada pelbagai kaum, sebab itu pemerintah menggunakan pendekatan berbincang.

"Saya harap apabila keputusan dibuat, rakyat akan menerimanya kerana itu adalah hasil kajian dan pandangan semua pihak," katanya berucap pada majlis Makan Malam Bersama Timbalan Perdana Menteri di sini, malam ini.

Abdullah berkata menguasai bahasa Inggeris bukan perkara yang salah sebaliknya akan membawa kebaikan kepada pelajar.

"Tidak kurang (semangat) Melayu jika kita tahu berbahasa Inggeris. Kita tidak paksa anak-anak belajar banyak bahasa, hanya bahasa Inggeris saja," katanya.

Beliau juga meminta anggota perkhidmatan awam memahami keputusan yang dibuat oleh kerajaan untuk kebaikan dan menggunakan kebolehan profesional masing-masing untuk melaksanakannya.

Katanya, hubungan pegawai kerajaan dengan parti pemerintah perlu akrab supaya rakyat dapat menikmati hasil projek yang diputuskan.